

**Rakyat Perlu Amati Dan Fahami Titah Yang di-Pertuan Agong - Rais  
Bernama  
11 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berharap titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ke-14 Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang mahukan rakyat berganding bahu mendukung program dan dasar 1Malaysia, dapat diamati dan difahami dengan teliti.

Beliau berkata rakyat juga perlu mengamati dan memahami ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyampaikan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, antara lain menyatakan kepentingan institusi diraja untuk bersama-sama berganding bahu memajukan negara.

"Harapan saya sepanjang tempoh lima tahun pemerintahan baginda, kesejahteraan dan pembangunan serta gagasan 1Malaysia yang mendukung cita-cita kenegaraan dan institusi diraja itu sendiri yang menjadi tonggak kepada tanah air tercinta dapat diterjemah kepada pelbagai program demi menjaga kebajikan rakyat," katanya kepada pemberita di Istana Negara hari ini.

Tuanku Abdul Halim, 84, selamat ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14 dalam satu upacara penuh istiadat kebesaran Raja-Raja Melayu di Istana Negara.

Pada Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja kali ke-227, 13 Dis tahun lepas, Tuanku Abdul Halim dengan rasminya diisytiharkan sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali yang kedua.

Sementara itu, Rais selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan berkata jawatankuasa itu berpuas hati dengan perjalanan istiadat itu hari ini walaupun sedikit terjejas dengan hujan pada sebelah pagi.

"Hujan sebelah pagi tadi kita tidak duga, oleh demikian 'parade' atau program itu (perarakan dan pemeriksaan perbarisan) telah diganti balik (selepas hujan berhenti) apabila baginda berangkat pulang.

"Maka 'parade' ini disusun sebagai rakaman yang rasmi untuk rekod tanah air. Secara keseluruhannya tradisi serta isian program ini harus diamati oleh rakyat," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658405>